

Tinjauan tematik terhadap skop kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*

[A thematic review of *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*'s research scope]

Muhammad Aizat Syimir Rozani*, Mohd Farid Ravi Abdullah, Nurzatil Ismah Azizan
& Yaakob Hasan

Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Muhammad Aizat Syimir Rozani, Department of Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. e-Mail: 20pi01008@student.kuis.edu.my, Tel.: (+60) 10-656 5321, ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0001-7769-8492>.

Keywords:

Thematic, Review, Atlas.ti 8, Scope, al-Tafsīr al-Maqāṣidī.

ABSTRACT

Al-Tafsīr al-Maqāṣidī is a topic of research within the field of Quranic exegesis. The researchers of Quranic exegesis are actively discussing this field of knowledge. It is considered a means of ensuring that Islamic scholars remain steadfast in their interpretation of the verses of the Quran based on Maqāṣid al-Shāri‘ (Purpose of order from Allah) rather than on their own lusts or desires. Despite the vibrancy of research on Al-Tafsīr al-Maqāṣidī, the theory's construction requires ongoing research, and there is currently no thematic review of the scope of studies conducted on this subject. Therefore, the purpose of this thematic review is to synthesise the literature on the research scope of al-Tafsīr al-Maqāṣidī using ATLAS.ti 8. This study employs two research methodologies: i) Quantitative methodology, which involves numerical data; and ii) Qualitative methodology, which relies on the thematic analysis related to the study's scope, al-Tafsīr al-Maqāṣidī. A keyword search followed by an inclusion criteria filter from Google Scholar, Research Gate, and Mendeley databases successfully identified 92 literary works. However, after the inclusion and exclusion criteria were applied, only 68 papers were selected for review. The thematic review conducted in this study identified 86 initial codes characterising the research scope of al-Tafsīr al-Maqāṣidī, which were then classified into 12 clusters. These clusters can be classified into two categories: concept clusters and application clusters. The study's findings discovered that while the effort to construct the theory of al-Tafsīr al-Maqāṣidī has long been undertaken, it has not been considered mature. In terms of application, the application of al-Tafsīr al-Maqāṣidī to contemporary issues is the most popular scope of the study. The findings of this study may benefit future research by addressing research gaps that have not been addressed in order to complete this branch of Quranic exegesis.

Kata Kunci:

Tematik, Tinjauan, Atlas.ti 8, Skop, al-Tafsīr al-Maqāṣidī.

ABSTRAK

Al-Tafsīr al-Maqāṣidī merupakan antara salah satu cabang ilmu dalam pengajian tafsir al-Quran. Disiplin ilmu ini sedang giat dibincangkan oleh para pengkaji tafsir al-Quran. Ia dilihat dapat memastikan para ulama kekal dalam mentafsirkan ayat al-Quran

berdasarkan kepada *Maqāṣid al-Shāri'* (Tujuan Allah SWT dalam penyariatannya) dan bukan dengan mengikuti hawa nafsu dan kemahuan sendiri. Walaupun kajian berkaitan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* sedang rancak dijalankan, namun konstruksi teorinya masih memerlukan kepada kajian yang berterusan malah tiada kajian yang meninjau secara tematik mengenai skop kajian yang telah dijalankan ke atas isu ini. Oleh itu, tujuan tinjauan tematik ini adalah untuk mensintesis literatur mengenai skop kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* menggunakan ATLAS.ti 8. Kajian ini melibatkan dua metodologi kajian, i) Metodologi kuantitatif dengan melibatkan data-data berbentuk numerikal dan ii) Metodologi kualitatif dengan menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan skop kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Pencarian kata kunci diikuti oleh saringan menggunakan kriteria kemasukan dari pangkalan data *Google Scholar*, *Research Gate* dan *Mendeley* telah berjaya mengenal pasti 92 karya penulisan. Namun, setelah proses saringan dilakukan, hanya 68 karya penulisan yang digunakan sebagai artikel terakhir yang akan dikaji. Tinjauan tematik yang dilakukan dalam kajian ini dapat mengenal pasti 86 kod awal yang membincangkan tentang konsep dan aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam 12 kluster. Kluster-kluster tersebut boleh dibahagikan kepada dua; konsep dan aplikasi. Dapatan kajian mendapati bahawa usaha membina konstruksi teori *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* telah lama diusahakan namun sehingga kini masih belum dikira matang. Pada sudut pengaplikasian pula, aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* terhadap isu-isu kontemporari merupakan skop kajian aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* yang paling masyhur. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada kajian akan datang dengan mengisi jurang-jurang kajian yang masih belum dikaji demi menyempurnakan cabang tafsir ini.

Received: February 28, 2022

Accepted: April 06, 2022

Online Published: June 30, 2022

How to Cite:

Rozani, M. A. S. (2022). Tinjauan tematik terhadap skop kajian al-Tafsīr al-Maqāṣidī. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 767-780. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.269>

1. Pendahuluan

Al-Tafsīr al-Maqāṣidī merupakan perbincangan ilmiah yang sedang rancak dibincangkan dalam dunia pengajian tafsir al-Quran. Menurut Umayyah (2016), *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* giat dibincangkan selepas satu seminar bertajuk “Metodologi Alternatif Pentafsiran Al-Quran” yang dijalankan di Oujda, Maghribi pada tahun 2007. Pada peringkat dasarnya, *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* merupakan integrasi di antara dua cabang ilmu syariah yang besar, iaitu Tafsir dan *Maqāṣid*. Kedua-duanya mempunyai susur galur sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana Baginda SAW diberikan amanah untuk menerangkan ayat suci al-Quran kepada umat manusia seperti yang dinyatakan dalam surah *Āli ‘Imrān* [3] ayat 164. Nabi Muhammad SAW juga merupakan manusia yang paling mengetahui kehendak (*maqāṣid*) Allah SWT dan segala ajaran yang disampaikan oleh Baginda SAW adalah berpandukan kepada kehendak syarak dan bukan atas dasar hawa nafsu seperti yang dinyatakan dalam surah *al-Najm* [53] ayat 3 dan 4.

Meskipun gaya pemikiran berasaskan *maqāṣid* sudah bertapak sejak pada zaman Nabi Muhammad SAW seperti yang dinyatakan oleh Auda (2008), namun dalam konteks ilmu tafsir ia tidak dibincangkan di dalam karya-karya metodologi tafsir utama, misalnya al-Rūmī (1983, 1997), al-Dhahabī (2005) dan al-Khālīdī (2008). Malah artikel-artikel ilmiah yang mendatang kemudian seperti Baidan (1998) dan Mustapa & Abd Kadir (2017) juga tidak menyentuh *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam perbincangan mereka tentang metodologi dan corak ilmu ini. Walau bagaimanapun terdapat inisiatif yang dilakukan oleh Kusroni (2019) dengan membincangkan “Pendekatan Kontekstual” yang mirip kepada *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Menurut Kusroni

(2019), pendekatan kontekstual difahami sebagai gaya tafsiran yang mementingkan pemahaman ayat suci al-Quran pada sudut konteks dengan melihat kepada sejarah ayat tersebut diturunkan seiring dengan keadaan sosial, politik, ekonomi dan lain-lain lagi dan tidak cukup hanya sekadar literal sahaja.

Kini, usaha untuk membincangkan *al-Tafsir al-Maqāsidī* telah wujud dalam dunia penyelidikan Pengajian Islam. Misalnya, Khālid & Al-Atrash (2013) telah membincangkan berkaitan definisi dan ciri-ciri *al-Tafsir al-Maqāsidī*. Khālid & Al-Atrash (2011) juga mengkaji tentang sejarahnya sejak ia mula dibincangkan. Manakala Āshūr (2019) pula menyempurnakan lagi kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* dengan huraian pada aspek metodologi *al-Tafsir al-Maqāsidī*. Ghurghudū (2015) pula telah berusaha menggali *al-Tafsir al-Maqāsidī* daripada kitab *Ahkām al-Qur’ān* karangan Ibn al-‘Arabī, manakala Sari (2020) mengkaji isu kontemporari seperti kaitan *al-Tafsir al-Maqāsidī* dengan isu transplantasi organ.


Meskipun semakin banyak kajian yang dilakukan ke atas topik *al-Tafsir al-Maqāsidī*, namun sehingga kini, masih belum terdapat artikel tinjauan tematik yang membincangkan skop kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* dan melihat sejauh mana perbincangan berkaitan dengannya. Justeru, tinjauan ini adalah bertujuan untuk melakukan eksplorasi terhadap tajuk *al-Tafsir al-Maqāsidī* dengan memfokuskan kepada skop-skop kajian yang telah dilakukan ke atas isu ini. Hal ini bertujuan untuk membantu para pengkaji tafsir al-Quran yang berminat dengan isu ini untuk melengkapkan ruang ilmiah yang boleh diisi atau menggabungkan dapatan-dapatan yang sedia ada bagi membentuk konstruksi teori *al-Tafsir al-Maqāsidī* yang lebih matang.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini berpandukan kepada kaedah tinjauan tematik yang merupakan satu kaedah untuk meninjau artikel berdasarkan tema-tema yang terdapat dalamnya. Kaedah ini diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Mohd Zairul (2020).

2.1 Kaedah Pengumpulan Data

Tinjauan tematik ini dimulakan dengan mengenal pasti isu ilmiah terkini mengenai skop kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī*. Kajian-kajian ilmiah yang dikumpul diambil daripada tiga pangkalan data iaitu *Google Scholar*, *Research Gate* dan *Mendeley* dengan menggunakan kata kunci “Tafsir Maqasidi” pada ketiga-tiga pangkalan data tersebut. Pencarian ini menghasilkan 91 penerbitan daripada tiga pangkalan data tersebut. Setelah mengenalpasti pertindanan maka 22 penerbitan dikeluarkan. Justeru, sebanyak 69 penerbitan digunakan sebagai asas untuk dikaji seperti yang digambarkan di dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pangkalan Data dan Jumlah Penerbitan

2.2 Kaedah Penganalisan Data

Seterusnya, semua 69 metadata dipindahkan ke ATLAS.ti 8 dan dibuat sebagai dokumen utama. Berpandukan kepada metadata yang dihasilkan daripada *Mendeley*, beberapa pengelompokan terbentuk secara automatik dalam bentuk kluster yang berbeza seperti penulis, jenis dokumen, tahun dan bilangan isu serta penerbit. Hal ini sekaligus dapat membantu proses analisa dilakukan mengikut tahun dan corak kajian dapat dikenalpasti.

Kemudian, proses pengkodan secara manual dilakukan dengan mengenalpasti tema kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* yang difokuskan oleh para penulis. Justeru, 86 kod telah terhasil untuk menjawab persoalan kajian: “Apakah skop kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* yang telah dikaji?” Seterusnya kod-kod tersebut diklusterkan kepada 12 tema dan kemudiannya dibahagikan kepada dua bahagian; konsep dan aplikasi.

3. Dapatan dan Perbincangan

Hasil kajian akan dipersembahkan dalam bentuk dua dapatan; dapatan kuantitatif dan dapatan kualitatif. Kajian kuantitatif merujuk kepada penggunaan pengukuran secara objektif untuk menghasilkan data numerikal yang lazimnya dianalisis menggunakan statistik (Rahman et al. 2017). Manakala kajian kualitatif pula adalah satu proses inkuiri interpretatif untuk memahami isu atau masalah sosial dengan menonjolkan keunikan kritikal persekitaran kajian (Stake 1995). Kajian kualitatif juga merujuk kepada kajian yang menggunakan data berbentuk bukan angka (Rahman et al. 2017).

Dalam kajian ini, dapatan pertama yang akan dipersembahkan adalah dalam bentuk dapatan kuantitatif. Dapatan ini merujuk kepada statistik kajian berkaitan *al-Tafsir al-Maqāsidī* yang akan menerangkan taburan kajian menurut negara, tahun serta skop kajian. Selanjutnya, dapatan berbentuk kualitatif pula akan dipersembahkan untuk membincangkan setiap tema yang telah dihasilkan.

3.1 Dapatan Kuantitatif

	Tahun : 2000	Tahun : 2011	Tahun : 2012	Tahun : 2013	Tahun : 2015	Tahun : 2016	Tahun : 2017	Tahun : 2018	Tahun : 2019	Tahun : 2020	Tahun : 2021	Jumlah
Arab Saudi						1						1
Indonesia					2	4	6	2	7	13	18	52
Iraq							1					1
Jordan							1					1
Maghribi									1			1
Malaysia		1	2	2	3					1		9
Mesir				1					1	1		3
Amerika	1											1
Jumlah	1	1	2	3	5	5	8	2	9	15	18	69

Rajah 2: Taburan Kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut Tahun dan Negara

Rajah 2 menunjukkan taburan kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut tahun dan negara penerbitan. Berdasarkan rajah tersebut, trend kajian mengenai *al-Tafsir al-Maqāsidī* dilihat agak popular di Indonesia dengan penghasilan 52 karangan ilmiah dalam tempoh 6 tahun (2015-2021). Malaysia juga turut sama mengkaji tentang isu tersebut namun masih dianggap kurang popular dalam kalangan para pengkaji di sini. Trend kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga dapat dilihat di negara-negara yang lain, seperti Arab Saudi, Iraq, Jordan, Maghribi, Mesir dan Amerika Syarikat.

Berdasarkan tahun pula, jumlah kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* dilihat bertambah bermula tahun 2000 sehingga tahun 2021. Tahun 2021 mencatatkan jumlah penerbitan yang terbanyak, iaitu 18 penerbitan dan dimonopoli kesemuanya oleh para pengkaji Indonesia.

	Tahun : 2000	Tahun : 2011	Tahun : 2012	Tahun : 2013	Tahun : 2015	Tahun : 2016	Tahun : 2017	Tahun : 2018	Tahun : 2019	Tahun : 2020	Tahun : 2021	Jumlah
Konsep <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i>	1	1	1	2	4	4	3	1	3	4	3	27
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i>			1	1	1	1	5	1	6	11	15	42
Jumlah	1	1	2	3	5	5	8	2	9	15	18	69

Rajah 3: Taburan Kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut Tahun serta Skop Kajian (Konsep dan Aplikasi)

Rajah 3 menunjukkan taburan kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut tahun serta skop kajian (Konsep dan Aplikasi). Berdasarkan rajah tersebut, kajian berkaitan konsep *al-Tafsir al-Maqāsidī* dijalankan dalam tempoh masa 10 tahun bermula 2011 hingga 2021. Hal ini menunjukkan konstruksi teori *al-Tafsir al-Maqāsidī* masih tetap berjalan meskipun selepas hampir 10 tahun. Manakala kajian berkaitan aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* pula dilihat bertambah dari tahun ke tahun dengan mencapai jumlah kajian yang terbanyak pada tahun 2021 iaitu sebanyak 15 kajian ilmiah.

	Tahun: 2000	Tahun: 2011	Tahun: 2012	Tahun: 2013	Tahun: 2015	Tahun: 2016	Tahun: 2017	Tahun: 2018	Tahun: 2019	Tahun: 2020	Tahun: 2021	Jumlah
H.G. Gadamer									1			1
Ibn ‘Āshur	1		1	1	1	1		1		5	4	15
Imam Mālik									1			1
Jasser Auda							1				1	2
Kuntowijoyo					1							1
Muhammad ‘Abduh											1	1
Muhammad Rashīd Riḍā											1	1
Ṭaha Jābir al-Alwānī									1			1
‘Alī Jumu‘ah											1	1
Siddiq Khan											1	1
Abū Bakar Ibn al-‘Arabī					1							1
Jumlah	1	0	1	1	3	1	1	1	3	5	9	26

Rajah 4: Taburan Kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* mengikut Tahun dan Tokoh

Rajah 4 menunjukkan taburan kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* mengikut tahun dan tokoh. Berdasarkan rajah tersebut, seramai 11 orang tokoh yang pernah dikaitkan dengan topik *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Tokoh yang selalu dijadikan kajian dalam topik ini adalah Ibn ‘Āshūr Rahimahullah. Usaha untuk mengkaji ahli tafsir yang lain juga dilakukan dengan melakukan kajian ke atas al-Qāḍī Abū Bakr Ibn al-‘Arabī, Muḥammad ‘Abduh, Muḥammad Rashīd Riḍā dan ‘Alī Jumu‘ah. Kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* juga dilakukan ke atas pemikiran dan perspektif para cendekiawan Islam yang lain, seperti Imam Mālik, Ṣiddīq Khān, Kuntowijoyo, Jasser Auda dan Ṭaha Jābir al-‘Alwānī. Malah, terdapat juga kajian yang dilakukan ke atas cendekiawan barat, seperti H. G. Gadamer.

	Tahun : 2000	Tahun : 2011	Tahun : 2012	Tahun : 2013	Tahun : 2015	Tahun : 2016	Tahun : 2017	Tahun : 2018	Tahun : 2019	Tahun : 2020	Tahun : 2021	Jumlah
Hermeneutika						1			1			2
Ilmu <i>al-Munāsabāt al-Qur’aniyyah</i>					1							1
Implikasi terhadap <i>al-Tafsīr al-Maqāṣidī</i>				1	1							2
<i>Maqāṣid al-Qur’ān</i>									2			2
<i>Maqāṣid al-Sharī‘ah</i>					1	1	1			1	1	5
<i>Maqāṣid Ilāhī Qur’ānī</i>											1	1
<i>Maṣlaḥah</i>									1	1		2
Metodologi						1						1
Pendekatan	1											1

Pengertian dan Ciri-ciri <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i>	1											1	
Perbandingan	1											1	
Sejarah <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i>	1											1	2
Jumlah	1	1	1	1	3	4	1	1	4	2	2	21	

Rajah 5: Taburan Kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut Skop Kajian Konsep

Rajah 5 menunjukkan taburan kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut skop kajian konsep. Berdasarkan rajah tersebut, *al-Tafsir al-Maqāsidī* sering dikaitkan dengan perbahasan *Maqāsid al-Sharī'ah*. Landasan kajian yang sama juga dikongsi dengan kajian yang melibatkan *Maqāsid al-Qur'ān*, *Maqāsid Ilāhī Qur'ānī* dan *maṣlahah*. Kajian berkaitan konsep *al-Tafsir al-Maqāsidī* terlebih dahulu berkisarkan tentang pengertian, definisi, ciri-ciri serta sejarahnya. Terdapat juga perbezaan pendapat dalam mengklasifikasikan *al-Tafsir al-Maqāsidī* sama ada sebagai metodologi ataupun pendekatan tafsir. Kajian berkaitan *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga dikaitkan dengan topik lain seperti hermeneutika dan ilmu *al-Munāsabāt* untuk melihat kesannya terhadap *al-Tafsir al-Maqāsidī*.

	Tahun : 2000	Tahun : 2011	Tahun : 2012	Tahun : 2013	Tahun : 2015	Tahun : 2016	Tahun : 2017	Tahun : 2018	Tahun : 2019	Tahun : 2020	Tahun : 2021	Jumlah
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> dalam Isu Kontemporari							2		3	6	6	17
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> dalam Pemikiran					1		1		1			3
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> dalam <i>Qaṣaṣ al-Qur'ān</i>											1	1
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> dalam Surah							1					1
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> dalam Tafsir	1			1	2	1				1	2	8
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> dalam Tafsir dan Isu Kontemporari								1		2	1	4
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> terhadap <i>al-Kulliyāt al-Khams</i>			1									1
Aplikasi <i>al-Tafsir al-Maqāsidī</i> terhadap Kitab Hadis									1			1
Jumlah	1	0	1	1	3	1	4	1	5	9	10	36

Rajah 6: Taburan Kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut Skop Kajian Aplikasi

Rajah 6 menunjukkan taburan kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* mengikut skop kajian aplikasi. Berdasarkan rajah tersebut, aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* dalam isu kontemporari merupakan kajian berbentuk aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* yang terbanyak dihasilkan. Kajian aplikasi yang banyak juga dilakukan ke atas tafsir-tafsir para ulama untuk melihat gaya penafsiran mereka. Kajian terhadap individu juga dijalankan ke atas tokoh-tokoh


yang lain sama ada cendekiawan Islam mahupun barat. Terdapat juga kajian aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* yang dijalankan ke atas kisah dalam al-Quran, *Kulliyāt al-Khams* dan kitab hadis, seperti *al-Muwatta'* karya Imam Mālik Rahimahullah.

Hasil dapatan kuantitatif mendapati bahawa kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* di Malaysia masih lagi perlu giat dijalankan dan agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kajian yang dijalankan di negara jiran, Indonesia. Kajian berkaitan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* terbahagi kepada dua, konsep dan aplikasi. Pada sudut konsep, meskipun telah banyak kajian yang berusaha untuk membina konstruk teori ilmu *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* namun kajian yang dijalankan adalah secara runcit dan tidak dirumuskan perbincangan-perbincangan berkaitan dengannya. Hal ini memerlukan kepada usaha untuk menyatupadukannya dan dipersembahkan secara lengkap seperti cabang-cabang tafsir yang lain. Berdasarkan data berkaitan kajian aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* terhadap tokoh pula, Ibn 'Ashūr merupakan tokoh yang paling kerap dikaji berhubung ilmu ini. Manakala kurang kajian dijalankan kepada tokoh-tokoh Islam yang lain sama ada yang dikenali dalam bidang *maqāṣid* atau tidak. Manakala aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* selain tokoh, hasil kajian mendapati kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* terhadap isu-isu kontemporari giat dijalankan. Walau bagaimanapun, ruang yang besar perlu diisi pada kajian berbentuk aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* terhadap ayat suci al-Quran mengikut tema-tema seperti ayat-ayat *aḥkām* (ayat berbentuk hukum), ayat-ayat *qaṣaṣ* (ayat berbentuk kisah-kisah nabi) dan lain-lain lagi.

3.2 Dapatan Kualitatif

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian dalam bentuk kualitatif dengan tidak menyentuh aspek numerikal seperti yang dipersembahkan pada bahagian yang lepas. Pada peringkat awal pengekodan, 86 kod telah dibentuk. Seterusnya, kod-kod tersebut dibahagikan kepada dua bahagian; konsep dan aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Dalam setiap bahagian, beberapa tema telah dibentuk. Konsep *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* mempunyai 4 tema utama manakala aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* mempunyai 8 tema utama.

3.2.1 Konsep *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*



Rajah 7: Tema-Tema bagi Konsep *Al-Tafsīr al-Maqāṣidī*

i. Latar belakang *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*

Tema ini dibina berdasarkan kod-kod yang berkaitan pengenalan terhadap *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Al-Atrash & Khālid (2011) merupakan di antara pelopor pengkaji *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* khususnya di Malaysia. Menurut beliau, *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* adalah jenis tafsir yang mencari makna bagi lafaz-lafaz al-Quran dan keluasan maknanya pada sudut bahasa serta menerangkan hukum dan kehendak di sebalik pensyariatannya. Al-Atrash & Khālid (2011) juga berpendapat bahawa *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* telah mencatatkan kewujudannya sejak pada zaman para sahabat. Hal ini dibuktikan dengan kisah Abū Bakr al-Ṣiddīq RA yang mengarahkan proses pengumpulan al-Quran dilakukan. 'Ashūr (2013) pula mendefinisikan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* sebagai satu tema tafsir yang bertujuan untuk menyingkap makna dan tujuan al-Quran sama ada secara *kullī* atau *juz'ī* serta menerangkan cara untuk mengambil manfaat daripadanya demi memastikan masalah buat hamba. Kajian-kajian yang datang kemudian pula banyak menggunakan idea Al-Atrash, Khālid dan 'Ashūr dalam menerangkan maksud *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* (Dozan & Sugitanata, 2016; Hamam & Thahir, 2018; Hasan, 2017; Lufaei, 2019a.; Rifqi & Thahir, 2019; Sutrisno, 2017).

Dalam usaha memantapkan lagi konstruk teori *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*, Kusmana (2016) turut membincangkannya dari sudut epistemologi. Menurut beliau (2016), *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* menggunakan metode *al-Tafsīr bi al-Ra'yi* dengan berpandukan kepada kemandirian akal yang berlandaskan kepada dalil *naqli* dan *'aqli*. *Al-Tafsīr al-Maqāṣidī* juga berdiri di atas landasan *maqāṣid* yang telah digariskan oleh para ulama

hasil ekstrak yang dilakukan ke atas nas-nas syarak. Misalnya, tafsiran al-Quran dengan pendekatan *Maqāṣid al-Quran* (Bushiri 2019) dan ada juga pengkaji yang menggunakan terma *Maqāṣid Ilāhī Qurānī* (Wijaya and Muzammil 2021). Trend pengkaji Indonesia pula kerap mengfokuskan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* kepada saluran *Maqāṣid al-Sharī'ah* (Al-Ahīrash, 2016; Saihu, 2021) dan adakalanya mengkhususkan terus kepada masalah (Rifqi and Thahir 2019).

ii. Pembahagian dalam ilmu Tafsir

Para pengkaji *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dilihat berbeza pendapat dalam menentukan kedudukan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam ilmu tafsir. Umayyah (2016) sebagai contohnya meletakkan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* sebagai satu metode alternatif dalam penafsiran al-Quran. Manakala Rishwānī (2000) dan 'Āshūr (2013) menilainya sebagai satu bentuk pendekatan atau tema tafsir al-Quran.

iii. Ilmu *al-Munāsabāt al-Qur'āniyyah*


Al-Munāsabāt al-Qur'āniyyah bermaksud ilmu yang memfokuskan rahsia di sebalik kaitan antara ayat-ayat dan surah-surah dalam al-Quran, berpandukan kepada tujuan dan maqāṣid yang terkandung di dalamnya, untuk mencapai keseragaman antara makna dan struktur ayat (Khālid and Abdullah 2015). Menurut Khālid & Al-Atrash (2013), pelaksanaan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* turut dikaitkan dengan kaedah-kaedah tafsir al-Quran yang lain seperti struktur ayat, *al-Munāsabāt* dan lain-lain lagi. Justeru, kajian Khālid & Abdullah (2015) dilakukan untuk meninjau kesan ilmu *al-Munāsabāt* terhadap *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* menurut perspektif Ibn 'Āshūr.

iv. Hermeneutika *Fusion of Horizons*

Fusion of Horizon oleh Gadamer bermaksud pemahaman yang meleburkan antara *horizon* masa lalu dan teks dan *horizon* masa kini dari pembaca (Rahmatullah, 2019). Kajian lepas juga menunjukkan terdapat usaha untuk membandingkan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dengan teori penafsiran teks yang dilakukan oleh cendekiawan barat. Misalnya, gaya Hermeneutika *Fusion of Horizons* yang digagaskan oleh H. G. Gadamer seperti yang dikaji oleh Rahmatullah (2019).

Hasil rumusan konsep-konsep *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* yang dikumpulkan seperti di atas mendapati bahawa, *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* merujuk kepada satu tema pentafsiran al-Quran yang mengfokuskan kepada usaha untuk mencari keluasan makna, tujuan dan hikmah di sebalik penurunannya agar hasil tafsiran tersebut dapat dimanfaatkan untuk memastikan kemaslahatan hamba Allah SWT. *Al-Tafsīr al-Maqāṣidī* juga merupakan satu bentuk tafsiran al-Quran yang berpandukan kepada dua metodologi tafsir; *al-Tafsīr bi al-Ma'thūr* dan *al-Tafsīr bi al-Ra'yi*. Hal ini kerana *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* sangat berkait rapat dengan gaya tafsiran al-Quran secara tematik (*al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*) dan juga ilmu *al-Munāsabāt al-Qur'āniyyah*. Kedua-dua ilmu ini merujuk kepada salah satu cabang *al-Tafsīr bi al-Ma'thūr* iaitu *Tafsīr al-Qur'an bi al-Qur'an* (Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran). *Al-Tafsīr al-Maqāṣidī* juga berkait rapat dengan ilmu *maqāṣid* yang menggunakan akal merungkai *Maqāṣid al-Shāri'* sekali gus membuktikan kewujudan elemen *al-Tafsīr bi al-Ra'yi*. Meskipun para cendekiawan Islam berbeza pendapat untuk mengkategorikan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* sebagai metodologi atau pendekatan tafsir, kajian Ibrahim & Abd Kadir (2020) merumuskan bahawa *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* merupakan salah satu daripada pendekatan tafsir al-Quran. Berhubung kaitan di antara *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dan pemahaman secara hermeneutika, kajian yang mendalam perlu dilakukan sebelum menjustifikasi penggunaan hermeneutika dalam al-Quran. Hal ini kerana berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan oleh Abidin dan Ibrahim (2018), hermeneutik tidak sesuai untuk diamalkan sebagai metode alternatif dalam mentafsir al-Quran kerana sejarah menunjukkan bahawa hermeneutik muncul sebagai respon kepada kekeliruan pemahaman Bible oleh cendekiawan-cendekiawan Kristian.

3.2.2 Aplikasi *al-Tafsir al-Maqasidi*



Rajah 8: Tema-Tema bagi Aplikasi *Al-Tafsir al-Maqasidi*

i. Aplikasi *al-Tafsir al-Maqasidi* dalam isu kontemporari

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, aplikasi *al-Tafsir al-Maqasidi* banyak dilakukan terhadap isu-isu kontemporari. Trend kajian ini dilihat popular dalam kalangan para pengkaji *al-Tafsir al-Maqasidi* di Indonesia. Mubarak (2017), Lufaei (2019b.) dan Kulsum (2020) misalnya mengaitkan *al-Tafsir al-Maqasidi* dengan Pancasila Indonesia. Fokus kajian mereka adalah untuk membuktikan nilai-nilai di dalam Pancasila adalah selari dengan al-Quran dalam usaha untuk membentuk Negara Islam. Dalam membincangkan skop negara, Abdullah (2017) pula membincangkan isu penghinaan agama pada masyarakat plural di Indonesia dalam kerangka *al-Tafsir al-Maqasidi*. Menurut beliau, pemahaman *maqasidi* menunjukkan bahawa dalam rangka mencipta situasi negara yang kondusif, seorang muslim dilarang mencela simbol, sembah dan tuhan orang bukan Islam kerana impaknya akan membuka ruang celaan semula terhadap Allah SWT. Juga dalam konteks kenegaraan atau lebih spesifik keselamatan negara, Aulawiyah (2019) pula membincangkan *maqasid* yang terdapat dalam ayat-ayat *Hirabah* yang berkaitan keganasan.

Hasil tinjauan juga mendapati isu sosial turut dikaitkan dengan topik *al-Tafsir al-Maqasidi*. Musyafaah (2017) misalnya membincangkan isu gender dalam ayat-ayat hukum berkaitan keluarga. Menurut beliau, pemahaman *maqasid* terhadap Surah *al-Rum* ayat ke 21 menunjukkan bahawa tujuan perkahwinan adalah untuk membangun keluarga yang harmoni, melahirkan hubungan saling mencintai antara suami isteri dan kasih sayang bersama anak-anak. Dalam kerangka membincangkan isu gender, Azizah (2021) pula menyentuh isu feminisme yang popular iaitu isu kesaksian perempuan menurut perspektif *al-Tafsir al-Maqasidi*. Manakala dalam isu kekeluargaan, terdapat juga kajian yang membincangkan tentang isu waris menurut perspektif *al-Tafsir al-Maqasidi* (Mauluddin 2018). Seterusnya, kajian Haristy (2019) pula berkaitan konsep keluarga berencana timbul disebabkan terdapat persepsi masyarakat yang ingin meletakkan limitasi terhadap jumlah bilangan anak yang sekaligus bertentangan dengan tujuan perkahwinan itu tersendiri. Dalam membincangkan isu perkahwinan, Riska et al. (2021) memfokuskan kajian beliau terhadap isu kesetaraan dalam jodoh dengan merujuk surah *al-Nur* ayat ke 26. Selanjutnya, Fatimah (2020) pula membincangkan isu *Milk al-Yamin* iaitu hamba-hamba taklukan peperangan dalam perspektif *al-Tafsir al-Maqasidi*. Kajian Syahridawati (2020) pula berusaha untuk meninjau fenomena hijab dan niqab menurut perspektif *al-Tafsir al-Maqasidi*. Turut sama membincangkan isu penampilan luaran, Aulana et al. (2021) menyentuh isu ejekan tubuh (*Body Shaming*) menurut perspektif *al-Tafsir al-Maqasidi*.

Skop kajian *al-Tafsir al-Maqasidi* juga turut dibincangkan dalam kerangka kesihatan dan perubatan. Sari (2020) misalnya membincangkan isu transplantasi organ dalam perspektif *al-Tafsir al-Maqasidi*. Tidak

hanya terhad kepada individu dan masyarakat sahaja, kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga turut melibatkan hubungan individu dengan persekitaran seperti kajian Fathimatuzzahrok (2020) yang mengkaji tentang pemeliharaan lingkungan dengan menjadikan ayat-ayat ekologi sebagai sampel kajian. Manakala kajian Nabila (2021) pula mengkaji perihal tipologi bencana dengan menjadikan ayat-ayat bencana sebagai sampel kajian.

ii. Aplikasi *Al-Tafsir al-Maqāsidī* dalam Tafsir

Pengaplikasian *al-Tafsir al-Maqāsidī* dapat dilihat dalam gaya penafsiran ulama tafsir melalui karya-karya mereka. Justeru, kajian berbentuk penggalan *al-Tafsir al-Maqāsidī* di dalam kitab-kitab tafsir sangat signifikan dalam membentuk konstruksi teori ilmu *al-Tafsir al-Maqāsidī*. Menurut kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kitab tafsir yang dijadikan sampel kajian. Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwīr* karangan Ibn ‘Āshūr merupakan tafsir yang paling popular dalam kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī*. Hal ini disebabkan beliau masyhur sebagai tokoh *maqāsidī* bahkan beliau merupakan individu yang penting dalam pembentukan ilmu *maqāsid*. Misalnya para pengkaji yang mengkaji beliau adalah Khālid (2012), Khālid & Al-Atrash (2013), Khālid & Abdullah (2015), Al-Ahīrash (2016), Mauluddin (2018), Zahro (2018), Haristy (2019), Widya Oktavia (2020), Ibrahim & Abd Kadir (2020), Fathimatuzzahrok (2020), Fatimah (2020), Al Aisyie (2021), Agustin (2021), Lestari (2021) dan Mujib & Hamim (2021).

Walau bagaimanapun, terdapat juga inisiatif kajian yang cuba melakukan eksplorasi terhadap kitab-kitab tafsir lain seperti tafsir *Ahkām al-Qur’ān* karangan Ibn Al-‘Arabī (Ghurghudū 2015), tafsir *al-Manār* karangan Muḥammad ‘Abduh dan Rashīd Riḍā (Saihu, 2021) dan tafsir *al-Nibrās fī Tafsir al-Qur’ān* karangan ‘Alī Jumu‘ah (Burhanuddin & Kholida 2021).

iii. Aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* dalam pemikiran

Kajian tentang pengaplikasian *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga dilakukan terhadap tokoh-tokoh yang tidak mempunyai karya tafsir Al-Quran. Hal ini dapat dilihat sama ada pada tafsiran mereka terhadap ayat Al-Quran secara rawak atau perbandingan falsafah pemikiran tokoh tersebut dengan konsep asas *al-Tafsir al-Maqāsidī*.

Misalnya kajian yang dilakukan oleh Rahmatullah (2019) terhadap seorang tokoh falsafah Perancis bernama Hans-Georg Gadamer. Kajian ini cuba untuk menerangkan gagasan *fusion of horizons* yang digagaskan oleh H. G. Gadamer serta hubungkaitnya dengan tafsiran al-Quran. Seterusnya, kajian Kusmana (2015) ke atas sejarawan Indonesia bernama Kuntowijoyo menunjukkan bahawa tafsiran beliau terhadap Al-Quran juga boleh dikategorikan sebagai *al-Tafsir al-Maqāsidī al-‘Ilmī*. Menurut Kusmana (2015), berbeza dengan pemikiran para ulama yang mentafsirkan Al-Quran dengan menggunakan ilmu *Uṣūl al-Fiqh*, Kuntowijoyo pula mentafsirkan Al-Quran dengan menggunakan epistemologi ilmu sosial. Kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga diterokai melalui pemikiran tokoh *maqāsidī* kontemporari, seperti Dr. Ṭaha Jabīr al-‘Alwānī (Bushiri 2019) dan Jasser Auda (Azizah 2021; Fauzi 2017).

iv. Aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* dalam *Qaṣaṣ al-Qur’ān*

Kajian aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* kebiasaannya tertumpu kepada ayat-ayat hukum. Namun inisiatif yang dilakukan oleh Muzakky (2021) adalah dengan menumpukan *al-Tafsir al-Maqāsidī* terhadap kisah Nabi Muhammad SAW yang bermasam muka seperti yang digambarkan dalam Surah ‘Abasa.

v. Aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* terhadap *al-Kulliyāt al-Khams*

Kajian aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga kebiasaannya tertumpu kepada lima keperluan asas yang dinamakan *al-Darūriyyāt al-Khams* atau *al-Kulliyāt al-Khams* seperti yang dilakukan oleh Khālid (2012), Zahro (2018) dan Andika (2020). *Al-Kulliyāt al-Khams* merujuk kepada penjagaan agama (*hifz al-dīn*), penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*), penjagaan akal (*hifz al-‘aql*), penjagaan keturunan (*hifz al-nasl*) dan penjagaan harta (*hifz al-māl*) (Khālid 2012).

vi. Aplikasi *al-Tafsir al-Maqāsidī* dalam kitab hadis

Berdasarkan tinjauan literatur yang lepas, kajian *al-Tafsir al-Maqāsidī* juga dikenalpasti dalam kitab hadis berbeza dengan kebiasaannya ditemukan dalam kitab-kitab tafsir. Hal ini terbukti dengan kajian yang dilakukan

oleh Ad'ikal (2019) terhadap pandangan Imam Mālik ke atas *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam kitabnya *Al-Muwatta'*.

vii. Aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam surah

Sampel kajian pada sudut surah juga berbeza mengikut para pengkaji *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Misalnya, Handayani (2021) dan Riska et al. (2021) menjadikan Surah *al-Nūr* sebagai sampel kajian, manakala Najm al-Dīn (2017) pula menumpukan kajian kepada Surah *al-Zumar*.

viii. Aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam ayat tertentu

Secara mikro pula, kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* juga tertumpu kepada tema-tema ayat tertentu sahaja. Musyafaah (2017) misalnya melakukan kajian terhadap ayat-ayat hukum berkaitan keluarga. Aulawiyah (2019) pula memfokuskan kajian kepada ayat-ayat *Hirābah*, manakala Nabila (2021) menjadikan ayat-ayat bencana sebagai sampel kajian. Andika (2020) dan Zahro (2018) pula kedua-duanya mengkaji ayat-ayat berkaitan *ḥifẓ al-'aql*.

Hasil rumusan aplikasi-aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* yang dikumpulkan seperti di atas mendapati bahawa, aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam isu-isu kontemporari dapat memberikan pemahaman dan penyelesaian isu berlandaskan kepada *maqāṣid al-Shāri'*. Hal ini tidak terhad kepada isu-isu ibadah sahaja bahkan merentasi isu-isu kewangan, kesihatan, politik dan lain-lain lagi. Aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dalam kitab tafsir dan pemikiran cendekiawan pula menghasilkan natijah berbentuk kerangka pemikiran yang mengandungi elemen *maqāṣidi* dalam memahami ayat-ayat suci al-Quran. Kerangka pemikiran *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* ini sangat penting dalam menjadi panduan kepada para pentafsir al-Quran untuk memahaminya dengan betul. Seterusnya, aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* dapat dilihat secara umum melalui *maqāṣid* surah atau secara terperinci melalui *maqāṣid* ayat. Ayat-ayat al-Quran yang difokuskan juga tidak terhad kepada ayat-ayat *aḥkām* (ayat berbentuk hukum) akan tetapi perlu diluaskan dimensinya kepada cabang-cabang yang lain seperti ayat-ayat *qaṣaṣ* (ayat berbentuk kisah-kisah nabi), ayat-ayat akidah, ayat-ayat falsafah dan lain-lain lagi.

4. Kesimpulan

Kajian tinjauan tematik terhadap literatur berkaitan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* ini berupaya untuk meninjau skop perbincangan yang telah dikaji oleh ahli akademik berkaitan *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*. Justeru, hasil dapatan kajian mendapati dua jenis utama dalam kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī*; konsep dan aplikasi. Usaha membina konstruksi teori *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* telah lama diusahakan namun masih memerlukan kepada kajian yang lebih mendalam dan sistematik. Hal ini kerana kajian berkaitannya dibincangkan secara rawak dan tiada usaha untuk memusatkan kajian-kajian tersebut dan mempersembahkannya dalam bentuk yang sempurna seperti yang dilakukan oleh cabang tafsir yang lain. Pada sudut pengaplikasian pula, aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* terhadap isu-isu kontemporari merupakan skop kajian aplikasi *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* yang paling popular khususnya dalam kalangan para pengkaji *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* di Indonesia. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian-kajian lain seperti di dalam tafsir, pemikiran ahli akademik, surah dan ayat al-Quran namun terhad kepada individu atau sampel-sampel yang tertentu sahaja. Oleh itu, kajian-kajian *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* pada masa hadapan perlu dipergiatkan bagi memantapkan lagi ilmu *al-Tafsīr al-Maqāṣidī* serta memperluaskan lagi usaha menggali khazanah ilmu Islam ini.

Rujukan

- Abd Rahman, K. A., Abdullah, M. Y. M., Ibrahim, A. F., Azizan, N. I., Dimon, Z. & Abu Bakar, S. (2017). *Metodologi Penyelidikan (Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam)*. Bangi: Minda Intelek Agency.
- Abdullah, A. (2017). Penistaan agama pada masyarakat plural ditinjau dari Tafsir Maqasyidi. *Panangkaran: Jurnal Penelitian Agama Dan Masyarakat*, 1(1), 153-170. <https://doi.org/10.14421/panangkaran.2017.0101-09>.
- Abidin, S. Z., & Ibrahim, M. (2018). Analisis perbandingan metode Hermeneutik dan Tafsīr Bi Al-Ra'yī dalam penafsiran al-Qur'an. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 43-59. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v3i2.5>.
- Ad'ikal, A. G. (2019). Al-Tafsīr al-maqāṣidī li al-nuṣuṣ al-shar'iyah 'inda al-Imām Mālik fī kitābihi al-

- Muwaṭṭa'. *Majallat Al-Mudawwanah* 5.
- Agustin, H. N. (2021). *Merubah ciptaan Allah dalam Al-Quran: analisis interpretasi QS. An-Nisa': 119 perspektif Tafsir Maqasidi Ibn 'Ashur dan Siddiq Khan*. (Undergraduate dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Al Aisyie, H. (2021). *Jilbab perspektif Ibnu 'Ashur: studi Tafsir Maqasidi atas tafsir Al-Tahrir Wa Al-Tanwir*. UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Al-Ahīrāsh, M. A. S. (2016). *Maqāshid al-sharī'ah fī sūrat al-Nūr dirāsah fī manhaj al-Tafsīr al-Maqāshidī 'inda Ibn 'Ashūr: Dirāsah waṣfiyyah taḥliyyah*. (Undergraduate dissertation, UIN Maulana Malik Ibrahim Malang).
- Al-Aṭraṣh, R. J. & 'Abduh Khālid, N. (2011). Al-Judhūr al-tārikhiyyah li al-Tafsīr al-Maqāshidī li al-Qurān al-Karīm. *Journal of Islam in Asia*, 8(Special Edition 1):185–221. <https://doi.org/10.31436/jia.v8i0.234>.
- Al-Dhahabī, M. H. (2005). *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Khālidī, S. A. F. (2008). *Ta'rif al-dārisīn bi manahij al-mufasssīrīn*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Rūmī, F. A. R. (1983). *Manhaj al-madrasah al-'aqliyah al-ḥadīthah fī al-tafsīr*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Al-Rūmī, F. A. R. (1997). *Ittijāhāt al-tafsīr fī al-qarn al-rābi' 'ashar*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Andika, M. (2020). *Penafsiran ayat-ayat hizf al-'aql perspektif Tafsir Maqāshidi*. (Undergraduate dissertation, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta). https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/39673/1/16531004_BAB%20I_TERAKHIR_DAFTAR_PUSTAKA.pdf.
- 'Āshūr, W. (2013). Al-Tafsīr al-Maqāshidī li suwar al-Quran al-Karīm fī Zilāl al-Quran unmūdhajan, in *Al-Mu'tamar al-Duwalī Bi 'Unwān Fahm al-Quran Bayna al-Naṣ Wa al-Wāqi'*, pp. 1–44.
- 'Āshūr, W. (2019). *Metode Tafsir Maqasidi*. (Trans.) U. Fikriyati. Jakarta: PT Qaf Media Kreativa.
- Auda, J. (2008). *Maqasid Al-Shariah An Introductory Guide*. London: International Institute of Islamic Thought.
- Aulana, A. M., Arizki, N. A. & Mundzir, M. (2021). Body Shaming Dalam Al-Qur'an Perspektif Tafsir Maqasidi. *MAGHZA: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 6(1), 93-112. <https://doi.org/10.24090/maghza.v6i1.5556>.
- Aulawiyah, P. H. (2019). *Penafsiran ayat hirābah dalam al-Qur'an (Pendekatan Tafsir Maqāshidī)*. Institut Ilmu Al-Qur'an Jakarta.
- Azizah, M. (2021). *Kesaksian perempuan perspektif Tafsir Maqasidi Jasser Auda*. (Undergraduate dissertation, UIN Syarif Hidayatullah).
- Baidan, N. (1998). *Metodologi Penafsiran Al-Quran*. Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Burhanuddin, M. S., & Kholida, N. D. (2021). Ali jum'ah approach on Qur'anic Maqāshidī exegesis; a study of al-Nibrās fī Tafsīr al-Qur'ān. *MUSHAF: Jurnal Tafsir Berwawasan Keindonesiaan*, 1(2), 1-21. <https://doi.org/10.33650/mushaf.v1i2.2043>.
- Bushiri, M. (2019). Tafsir al-Qur'an dengan pendekatan Maqāshid al-Qur'ān perspektif Thaha Jabir al-'Alwani. *Tafsere*, 7(1):132–49. <https://journal3.uin-alauddin.ac.id/index.php/tafsere/article/view/10013>.
- Dozan, W. (2021). Hermeneutika versus Maqashid (Tafsir Maqashidi) sebagai gerakan membumikan tafsir al-Qur'an. *El-Afkar: Jurnal Pemikiran Keislaman dan Tafsir Hadis*, 10(1), 1-21. <https://ejournal.iainbengkulu.ac.id/index.php/elafkar/article/view/3672>.
- Fathimatuzzahrok, S. (2020). *Pemeliharaan lingkungan dalam tinjauan Tafsir Maqasidi (Ayat-ayat ekologi dalam kitab tafsir Tahrir Wa Al-Tanwir)*. Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Fatimah, N. L. (2020). *Konsep milk al-yamīn menurut teori tafsir Maqāshidī Ṭāhir Ibn 'Āshūr*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Fauzi, R. (2017). *Epistemologi Tafsir Maqasidi: Studi Terhadap Pemikiran Jasser Auda*. (Undergraduate dissertation UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta). <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/29262/>.
- Gurgudu, U. I. (2015). Ma'ālim al Tafsīr al maqāshidi lil Qur'ān al Karīm inda al Qādi Abī Bakr ibn al Arabī: *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 7(7A), 29-56. <https://mjir.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/12401>.
- Hamam, Z., & Thahir, A. H. (2018). Menakar sejarah tafsir Maqāshidī. *QOF: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir*, 2(1), 1-13. <https://doi.org/10.30762/qof.v2i1.496>.
- Handayani, S. (2021). Makna lafaz gairu uli al-irbah dalam surah al-Nur ayat 31 dan implikasinya terhadap wacana orientasi seksual di Indonesia: analisis tafsir Maqasidi. UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Haristy, F. (2019). *Konsep Keluarga Berencana Perspektif Tafsir Maqasidi Ibn 'Ashur* (Undergraduate dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/38186/>.
- Hasan, M. (2017). Tafsir Maqasidi: Penafsiran Al-Quran Berbasis Maqasid Al-Syariah. *MAGHZA: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 2(2), 15-26. <https://doi.org/10.24090/maghza.v2i2.1566>.

- Ibrahim, R. A. & Abd Kadir, M. N. (2020). *Al-Tafsir Al-Maqasidi: Konsep dan aplikasi berpandukan Tafsir Ibn Ashur*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khālid, N. A. & Abdullah, M. S. (2015). Athar ‘Ilm al-Munāsabāt al-Quraniyyah fī al-Tafsīr al-Maqāsidī ‘inda al-Imām Ibn ‘Ashūr, *The 2nd International Conference on Qur’an and Sunnah (ICQS 2015)*, pp. 1–23.
- Khālid, N. A. & Al-Atrash, R. J. (2013a.). Al-Siyāq al-Qurānī wa ātharuhu fī khidmat al-Tafsīr Al-Maqāsidī ‘inda Ibn ‘Ashūr.” *Al-Fikr Al-Islāmī Al-Mu’āsir*, 19(73):40–13. <https://doi.org/10.35632/citj.v19i73.801>.
- Khālid, N. A. & Al-Atrash, R. J. (2013b.). Al-Tafsīr al-Maqāsidī: ishkāliyat al-ta’rīf wa al-khaṣā’iṣ. *QURANICA*, 5(2):129–44.
- Khālid, N. A. (2012). Usus al-Tafsīr al-Maqāsidī li al-Quran al-Karīm wa Taṭbīqātuḥu ‘ala al-Kulliyāt al-Khams fī Tafsīr Al-Taḥrīr Wan Al-Tanwīr li al-Ṭāhir ibn ‘Ashūr. International Islamic University Malaysia.
- Kulsum, U. (2020). Konstelasi Islam Washatiah dan Pancasila serta urgensinya dalam bernegara perspektif Tafsir Maqasidi, in *National Conference on Qur’an And Hadith Studies*.
- Kusmana, K. (2015). Paradigma Al-Qur’an: Model Analisis Tafsir Maqasidi Dalam Pemikiran Kuntowijoyo. *Afkaruna*, 11(2): 220–39. <https://doi.org/10.18196/auijis.2015.0049.220-239>.
- Kusmana. (2016). Epistemologi Tafsir Maqāsidī. *Mutawātir: Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis*, 6(2): 206–31. <https://doi.org/10.15642/mutawatir.2016.6.2.206-231>.
- Kusroni, K. (2019). Mengenal Ragam pendekatan, metode, dan corak dalam penafsiran al-Qur’an. *Kaca (Karunia Cahaya Allah): Jurnal Dialogis Ilmu Ushuluddin*, 9(1), 89-109. <https://doi.org/10.36781/kaca.v9i1.2988>.
- Lestari, W. N. (2021). *Penafsiran Ibnu ‘Asyur Tentang ‘Izzah dan ‘Iffah: telaah tafsir maqasid dalam tafsir al-Tahrir wa at-Tanwir* (Undergraduate dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/51176/>.
- Lufaei, L. (2019a.). Model negara dalam Islam: tinjauan Tafsīr Maqāsidī. *Ushuluna*, 5(2), 150-165. <https://dx.doi.org/10.15408/ushuluna.v1i2.15350>.
- Lufaei, L. (2019b.). Negara Pancasila: Inspirasi Model Negara Islam Kontemporer Berbasis Tafsir Maqāsidī. *Jurnal Ilmiah Citra Ilmu*, 15(29), 15-27. <http://ejournal.inisnu.ac.id/index.php/JICI/article/view/64>.
- Mauluddin, M. (2018). *Tafsir ayat-ayat waris perspektif tafsir Maqasidi Ibn ‘Ashur* (Masters thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/30428/>.
- Mubarak, M. (2017). *Nilai-nilai al-Qur’an dalam Pancasila: pendekatan Tafsir Maqasidi atas Pancasila sila pertama dan kedua* (Undergraduate dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/15954/>.
- Mujib, L. S. B., & Hamim, K. (2021). Religious freedom and Riddah through the Maqāsidī interpretation of Ibn ‘Ashūr. *HTS Theologise Studies/Theological Studies*, 77(4), 1-10. <http://dx.doi.org/10.4102/hts.v77i4.6928>.
- Musafa’ah, S. (2017). Tafsir Maqāsid dengan pendekatan gender terhadap ayat-ayat hukum keluarga. *Al-Hukama’: The Indonesian Journal of Islamic Family Law*, 7(02). <http://dx.doi.org/10.15642/alhukama.2017.7.2.249-279>.
- Mustapa, S. W., & Kadir, M. N. A. (2017). Corak penulisan tafsir di Malaysia abad ke-21 (2001-2015). *Al-Turath Journal of Al-Quran And Al-Sunnah*, 2(1), 27-36. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/34>.
- Muzakky, A. H. (2021). Tafsir Maqasidi Dan Pengembangan Kisah Al-Qur’an: Studi Kisah Nabi Bermuka Masam Dalam QS. Abasa [80]: 1-11. *Quran and Hadith Studies*, 10(1), 73-92. <http://dx.doi.org/10.15408/quhas.v10i1.18946>.
- Nabila, N. R. (2021). *Tipologi bencana dalam Alquran: telaah ayat-ayat bencana dengan endekatan Tafsir Maqasidi* (Undergraduate dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/48794/>.
- Najm al-Dīn, N. D. (2017). Al-Tafsīr Al-Maqāsidī Li Surah Al-Zumar. *Journal of Sharia Fundamentals for Specialized Researches*, 3(2):132–58.
- Rahmatullah, R. (2019). Menakar Hermeneutika Fusion of Horizons HG Gadamer dalam pengembangan tafsir Maqasid Alquran. *Nun: Jurnal Studi Alquran dan Tafsir di Nusantara*, 3(2), 149-168. <http://dx.doi.org/10.32495/nun.v3i2.47>.
- Rifqi, M. A., & Thahir, A. H. (2019). Tafsir Maqasidi: membangun paradigma tafsir berbasis mashlahah. *Millah: Jurnal Studi Agama*, 18(2): 335-356. <https://doi.org/10.20885/millah.vol18.iss2.art7>.
- Rishwānī, S. A. R. (2000). Al-Ittijāh Al-Maqāsidī Fī Tafsīr Ibn ‘Ashūr. *Islāmiyāt Al-Ma’rifah*, 6(23): 81–107. <https://doi.org/10.35632/citj.v6i23.1729>.

- Riska, R., Has, H., & Gafar, A. (2022). Kesetaraan dalam jodoh (Pendekatan Tafsir Maqasidi Qs An-Nur: 26. *El Maqra': Tafsir, Hadis Dan Teologi*, 1(1), 12-27. <https://ejournal.iainkendari.ac.id/index.php/el-maqra/article/view/3318>.
- Saihu, M. (2021a.). Tafsir Maqāṣidī perspektif Muhammad Abduh dan Muhammad Rasyid Rida. *Mumtaz: Jurnal Studi Al-Quran dan Keislaman*, 5(02), 247-258. <https://doi.org/10.36671/mumtaz.v5i02.213>.
- Saihu, M. (2021b.). Tafsir Maqāṣidī untuk Maqāṣid Al-Shari'ah. *Al Burhan: Jurnal Kajian Ilmu Dan Pengembangan Budaya Al-Qur'an*, 21(1):44–69. <https://doi.org/10.53828/alburhan.v21i01.225>.
- Sari, M. (2020). Transplantasi Organ dalam Al-Quran Perspektif Tafsir Al-Maqasidi. *Substantia: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 22(1), 61-72. <https://doi.org/10.22373/substantia.v22i1.6758>.
- Stake, R. E. (1995). *The Art of Case Study Research*. New York, NY: Sage Publications Ltd.
- Sutrisno, S. (2017). Paradigma Tafsir Maqasidi. *Rausyan Fikr: Jurnal Studi Ilmu Ushuluddin dan Filsafat*, 13(2), 321-357. <https://doi.org/10.24239/rsy.v13i2.269>.
- Syahridawati, S. (2020). Fenomena fashion hijab dan niqab perspektif Tafsir Maqāṣidī. *Substantia: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 22(2): 135. <https://doi.org/10.22373/substantia.v22i2.8206>.
- Umayah, U. (2016). Tafsir Maqashidi: metode alternatif dalam penafsiran al-Qur'an. *Diya Al-Afkar: Jurnal Studi al-Quran Dan al-Hadis*, 4(01): 36–58. <http://dx.doi.org/10.24235/diYaafkar.v4i01.778>.
- Widya Oktavia. (2020). Tafsir Maqāṣidī Mahar Ibn 'Āsyūr. (Undergraduate dissertation, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta). <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/52261>.
- Wijaya, A., & Muzammil, S. (2021). Maqāṣidī Tafsir: Uncovering and Presenting Maqāṣid Ilāhī-Qur'anī into Contemporary Context. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 59(2), 449-478. <http://dx.doi.org/10.14421/ajis.2021.592.449-478>.
- Zahro, F. (2018). *Pendekatan tafsir maqasidy Ibn 'Ashur: studi kasus atas ayat-ayat Hifzu al-'Aql* (Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/24485/>.
- Zairul, M. (2020). A thematic review on student-centred learning in the studio education. *Journal of Critical Reviews*, 7(2), 504-511. <http://dx.doi.org/10.31838/jcr.07.02.95>.